PM - ISLAM
(I)
1984
OLEH RACHMAN NORDIN

N E W YORK, 10 O K T (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGONG K E 39 BANGSA-BANGSA BERSATU HARI INI MENGECAM REAKSI BARAT YANG BERILHAMKAN DASAR ZIONIS TERHADAP KEBANGKITAN ISLAM'SEKARANG.

PAKATAN INI, KATANYA, SEMAKIN MENJARAKKAN JURANG PERBEZAAN DAN PERMUSUHAN ANTARA BARAT DENGAN DUNIA ISLAM.

DATUK SERI DR.MAHATHIR MENGGESA PERHIMPUNAN ITU +MENGHAPUSKAN KEBENCIAN AKIBAT PROPAGANDA ANTI ISLAM Y A N G MEMPUNYAI UNSUR KEPAHITAN DAN PRASANGKA YANG TERUS DILUAHKAN OLEH PIHAK ZIONIS.+

PERDANA MENTERI BERKATA RAMAI ORANG ISLAM HARI INI TERPEGUN DAN TERKEJUT MELIHAT APA Y A N G MEREKA SIFATKAN SEBAGAI +PENYELEWENGAN DALAM TRADISI YAHUDI-KRISTIAN SEKARANG+.

INI MENGAKIBATKAN KEBANGKITAN FAHAMAN ISLAM YANG ORTHODOX DAN MELAMPAU, UJAR PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PERSEFAHAMAN YANG SAMA SEKURANG-KURANGNYA DAPAT MENGHENTIKAN PAKATAN MEREKA YANG TAMAK DAN BERFAHAMAN PERKAUAMAN YANG SEMPIT YANG INGIN MENGEKSPOITASI KEJAHILAN, SYAK WASANGKA DAN PRASANGKA..

BELIAU EERKATA +IA AKAN MENJADI SATU PERKEMBANGAN PENTING SEJ ARAH+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA REVOLUSI ISLAM SEKARANG PERLU DIHAKIMI DENGAN ADIL DAN OBJEKTIF.

JIKA SEGALA WANG, MASA DAN TENAGA DXGUNAKAN BAGS MEMBURUKAN APA YANG SEDANG BERLAKU DALAM DUNIA ISLAM SEBALIKNYA DIGUNAKAN BAGI MEUJUDKAN PERSEFAHAMAN YANG OBJEKTIF, DUNIA AKAN MENJADI LEBIH BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR'MENGKAUI BAHAWA KEGANASAN DAN KETIDAKADILAN TELAH DISUSUPKAN KONONNYA ATAS NAMA ISLAM.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENGHUJJAH BAHAWA-D-$PENUMPUAN-$TERHADAP ASPEK INI YANG MERUPAKAN PENYELEWENGAN JELAS DALAM SEBARANG GERAKAN SEJARAH DAN MENGENEPIKAN YANG LAIN-LAIN YANG BENAR DAN BAIK BOLEH MEROSAKKAN DUNIA.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU BAHAWA TIDAK HARUS UJUD KEBIMBANGAN TERHADAP ISTILAH +FUNDAMENTALIS+ YANG SERING MENIMEULKAN SYAK WASANGKA DAN PRASANGKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +YA, KITA ADALAH FUNDAMENTALIS ISLAM KERANA KITA PERCAYA KEPADA ASAS-ASAS ISLAM -- TERHADAP PERDAMAIAN, TOLERANSI DAN KEADILAN+- EERNAMA.